



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/10/127 (HQ)

### TNB DAN LADA BEKERJASAMA KURANGKAN EMISI KARBON

- GSPARX bakal pasang sistem solar fotovoltaik 363kWp di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung yang mampu menjimatkan sehingga RM5 juta ke RM7.4 juta bagi tempoh 25 tahun
- TNB menerusi kerjasama strategik dengan KeTSA melaksanakan projek solar di sembilan lokasi dengan jumlah kapasiti penjanaan tenaga hijau hampir 2.2 MWp

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menerusi anak syarikat solusi tenaga hijauanya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) akan menjalin kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), bagi mengurangkan emisi karbon mereka menerusi pemasangan panel solar fotovoltaik (PV) di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi.

Menerusi kerjasama strategik dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), LADA telah menyatakan hasrat tersebut melalui penyerahan Surat Niat (Letter of Intent) dalam satu majlis yang diadakan di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung pada 17 Oktober 2021. Langkawi Port Sdn Bhd (LPSB), anak syarikat LADA, adalah operator Kompleks Dermaga Tanjung Lembung.

Penyerahan surat dilakukan Ketua Pegawai Eksekutif LADA merangkap Pengerusi LPSB, Nasaruddin Abdul Muttalib kepada Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mashuri. Majlis disaksikan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata TNB sedia menyumbang kepakaran dalam bidang tenaga solar menerusi GSPARX bagi membantu LADA mencapai objektif mereka bagi mengurangkan emisi karbon dan menjana tenaga hijau.

“Bagi mencapai aspirasi kami untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa, TNB telah dan akan terus membangunkan keupayaan yang terbukti dalam bidang panel solar fotovoltaik,” katanya.

“Langkah LADA dan LPSB untuk menjana tenaga hijau bukan sahaja menyokong usaha Kerajaan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gas* - GHG), malah turut mampu menjimatkan bil elektrik mereka.”

GSPARX dijangka memasang sistem solar PV berkapasiti 363kWp di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung. Bergantung kepada perjanjian, potensi penjimatan bil elektrik LPSB selepas pemasangan adalah antara RM87,000 hingga RM244,000 bagi tahun pertama dan sehingga RM5 juta - RM7.4 juta bagi tempoh 25 tahun.

Jelas Megat, TNB sebagai syarikat utiliti elektrik negara turut menyokong usaha Kerajaan itu dengan meletakkan aspirasi untuk mencapai pelepasan sifar bersih (*Net Zero Carbon Emission*) menjelang 2050 yang dipacu menerusi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan sebanyak 35%, serta pengurangan 50% kapasiti penjana arang batu menjelang 2035.

“Hala tuju kelestarian TNB mendukung pelan Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu (RE) dalam gabungan kapasiti penjana negara ke arah mencapai sasaran kapasiti terpasang RE sebanyak 31% pada 2025,” tambah Megat.

Menerusi kerjasama strategik dengan KeTSA, TNB telah menyiapkan projek solar di dua lokasi manakala pemasangan di tujuh lagi lokasi melibatkan bangunan jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan sekolah sedang disiapkan menjadikan jumlah kapasiti penjana tenaga hijau hampir 2.2 MWp.

Antara entiti yang telah dan bakal menjadi pengeluar swaguna (prosumer) menerusi kerjasama itu termasuk Majlis Bandaraya Seberang Perai (100kWp) di Pulau Pinang; Majlis Bandaraya Subang Jaya (100kWp), Selangor; Agensi Nuklear Malaysia (460kWp), Selangor, dan Kolej Tunku Kurshiah (314kWp), Negeri Sembilan.

Sehingga kini, di bawah skim panel solar PV, Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) dan kegunaan sendiri (*self-consumption*; SELCO) yang dilaksanakan Kerajaan, GSPARX telah memeterai perjanjian menerusi Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) dan pembelian terus dengan 840 pelanggan komersial dan domestik (kediaman) untuk menjana kira-kira 103 MWp kapasiti tenaga hijau.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 18 Oktober 2021, jam 1:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Fazreen 019-3160401*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan (empat, kanan) bergambar bersama selepas menyaksikan penyerahan replika surat niat oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Majlis Penyerahan Surat Niat Pelaksanaan Inisiatif Solar di Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi pada 17 Oktober 2021.

Penyerahan surat dilakukan Ketua Pegawai Eksekutif LADA merangkap Pengerusi LPSB, Nasaruddin Abdul Muttalib (dua, kiri) kepada Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mashuri (kanan).

Turut hadir Timbalan Menteri KeTSA Datuk Ali Biju (empat, kiri), Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) Datuk Zurinah Pawanteh (tiga, kiri), Ahli Lembaga Pengarah TNB Datuk Ir Nawawi Ahmad (tiga, kanan), Ketua Pegawai Retail TNB Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua, kanan) dan Pengurus Besar Langkawi Port Sdn Bhd Muhd Nasir Abd Aziz (kiri).